

Skim Kemasukan Hospital dan Pembedahan

Pekerja Asing (SKHPPA)



Skim Kemasukan Hospital dan Pembedahan Pekerja Asing (SKHPPA)

Mengikut kenyataan Seksyen 141 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, anda diminta untuk memberi maklumat di dalam borang cadangan secara lengkap dan jujur terhadap segala butir yang anda tahu atau sepatutnya tahu, jika tidak sijil yang dikeluarkan akan menjadi tidak sah.

Dengan mengambil kira kenaikan caj Hospital dan Pembedahan, Produk ini direka khas untuk mengurangkan beban kewangan pihak majikan ke atas pekerja asing sekiranya pekerja asing tersebut dimasukkan ke Hospital Kerajaan Malaysia bukan korporat akibat kemalangan atau penyakit.

Maklumat Penting Mengenai Penyertaan SKHPPA

KEPADА PROSPEKTIF PEMILIK SIJIL

Bahagian ini mengandungi maklumat penting mengenai produk Takaful anda. Anda dikehendaki membaca keseluruhan maklumat tersebut dengan teliti bagi memastikan anda faham sepenuhnya produk ini dan ia memenuhi kehendak anda.

Anda dinasihatkan supaya membaca senarai semak di bawah yang menerangkan ciri-ciri penting SKHPPA sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai produk tersebut.

Sekiranya anda mempunyai sebarang kemosyikilan, sila dapatkan penjelasan lanjut daripada wakil Takaful anda atau pejabat kami yang berhampiran.

1. Manfaat yang perlu dibayar di bawah produk ini dinyatakan di bawah "Huraian Manfaat/Perlindungan".
2. Ini merupakan produk Takaful dengan pembaharuan tahunan, di mana manfaat dan sumbangan adalah tertakluk kepada semakan dari semasa ke semasa. Sebarang perubahan ke atas manfaat dan sumbangan hanya boleh dibuat oleh pihak kami semasa ulang tahun sijil dengan sembilan puluh (90) hari notis bertulis bergantung kepada pengalaman tuntutan portfolio yang wujud.
3. Perlindungan Takaful terhenti apabila pekerja asing anda meninggalkan Malaysia dan akan disambung semula apabila pekerja asing tersebut kembali ke Malaysia.

Tempoh Perlindungan Dan Pembaharuan

Perlindungan Takaful ini berkuat kuasa mengikut tarikh yang dinyatakan di dalam sijil. Ulang tahun sijil adalah satu (1) tahun selepas tarikh berkuat kuasa dan pada setiap tahun berikutnya. Pada setiap ulang tahun, produk ini boleh diperbaharui pada kadar sumbangan yang berkuat kuasa pada masa itu seperti yang dimaklumkan oleh Syarikat.

Definisi

PENYAKIT SEDIA ADA	<p>adalah terhad kepada hilang upaya yang wujud sebelum tarikh berkuatkuasa perlindungan dan orang yang dilindungi mengetahui sewajarnya. Orang yang dilindungi dianggap mengetahui keadaan sedia ada itu sewajarnya apabila:</p> <ol style="list-style-type: none">orang yang dilindungi telah menerima atau sedang menerima rawatan;nasihat, diagnosis, jagaan atau rawatan perubatan telah disyorkan;gejala yang jelas, tepat, dapat atau telah dilihat dengan nyata; ataukewujudan ketara dapat diperhatikan dengan jelas oleh orang yang mengalami keadaan itu.
PENYAKIT TERTENTU	<p>bermaksud hilang upaya dan komplikasi yang berkaitan seperti berikut yang wujud seratus dua puluh (120) hari pertama dalam tempoh perlindungan Takaful bagi orang yang dilindungi:</p> <ol style="list-style-type: none">Penyakit kardiovaskularSemua jenis kanser

Prosedur Permohonan

- Borang cadangan SKHPPA boleh didapati daripada wakil Takaful anda atau di mana-mana pejabat kami yang berhampiran.
- Majikan perlu melengkapkan borang cadangan tersebut dan menghantarnya beserta dengan sumbangan kepada wakil Takaful atau mana-mana pejabat kami yang berhampiran.
- Perlindungan Takaful berkuat kuasa selepas bayaran sumbangan diterima.
- Sijil akan dihantar ke majikan dalam tempoh dua puluh satu (21) hari bekerja.
- Sekiranya sijil tidak diterima dalam tempoh yang dinyatakan, sila hubungi wakil Takaful anda atau mana-mana pejabat kami yang berhampiran.

Huraian Manfaat/Perlindungan

JADUAL MANFAAT (MANA-MANA SATU HILANG UPAYA)

BUTIR	MANFAAT	JUMLAH (RM)
1 (a)	Bilik Hospital dan Makan Harian (Maksimum sehingga 30 hari)	Sebagaimana menurut bayaran yang selaras dengan Bilik dan Makan Kelas Ketiga (ke-3 sehingga maksimum RM160 sehari di Hospital Kerajaan Malaysia bukan korporat mengikut Akta Fi 1951, Perintah Fi (Perubatan) 1982.
1 (b)	Unit Rawatan Rapi (Maksimum sehingga 15 hari)	
2	Bekalan dan Khidmat Hospital	
3	Bilik Bedah	
4	Fi Pembedahan (Tidak termasuk pemindahan organ)	
5	Fi Pakar Bius	
6	Lawatan Pakar Perubatan Dalam Hospital (Maksimum sehingga 30 hari)	
7	Lawatan Pakar Perundingan Dalam Hospital (Maksimum sehingga 30 hari)	
8	Fi Ambulans atau Fi Laporan Perubatan	
Had Tahunan Keseluruhan Maksimum (Butiran 1-8)		RM20,000
SUMBANGAN TAHUNAN : RM120 bagi setiap orang yang dilindungi		

Nota Penting

1. Cukai Perkhidmatan adalah dikecualikan oleh Kastam Diraja Malaysia dengan syarat sumbangan dibayar oleh pekerja asing. 8% Cukai Perkhidmatan akan dikenakan ke atas setiap sumbangan yang perlu dibayar.
2. Semua manfaat yang perlu dibayar bagi apa-apa bilangan hilang upaya dalam mana-mana satu Tempoh Perlindungan yang diberi adalah tertakluk kepada Had Tahunan Keseluruhan sebanyak RM20,000 bagi setiap orang yang dilindungi.

Pengecualian

Produk ini tidak melindungi sebarang rawatan dalam hospital, pembedahan atau bayaran yang berpunca secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, oleh mana-mana satu (1) kejadian yang berikut:

1. Penyakit sedia ada. Walau bagaimanapun, pengecualian ini diketepikan sekiranya orang yang dilindungi telah lulus pemeriksaan perubatan sebagaimana disahkan oleh Fomema Sdn. Bhd. (FOMEMA) dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari ketibaan orang yang dilindungi di Malaysia.
2. Penyakit Tertentu yang berlaku dalam tempoh seratus dua puluh (120) hari pertama bagi perlindungan berterusan.
3. Pembedahan plastik atau kosmetik, khatan, pemeriksaan mata, cermin mata dan pembetulan penglihatan dekat melalui pembiasan atau pembedahan (Keratotomi Radial) dan penggunaan atau pemerolehan perkakas atau alat prostetik seperti anggota tiruan, alat pendengaran, perentak yang diimplan dan preskripsinya.
4. Penyakit pergigian termasuk rawatan pergigian atau pembedahan oral kecuali apabila diperlukan kerana Kecederaan Akibat Kemalangan pada gigi asal yang sihat yang berlaku sepenuhnya dalam Tempoh Perlindungan.
5. Penjagaan peribadi, rehat pulih atau jagaan kebersihan, dadah yang tidak dibenarkan, intoksikasi, pensterilan, penyakit venereal dan sekuelanya, AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit) atau ARC (Kompleks Berkaitan AIDS) dan penyakit berkaitan HIV (Virus Keimunodefisiensi Manusia) dan sebarang penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin oleh undang-undang.
6. Sebarang rawatan atau operasi pembedahan untuk keabnormalan atau kecacatan kongenital termasuk penyakit keturunan.
7. Kehamilan, melahirkan anak (termasuk kelahiran secara pembedahan), keguguran, menggugurkan kandungan dan jagaan serta pembedahan pranatal atau postnatal, kaedah kawalan kelahiran kontraseptif mekanikal atau kimia atau rawatan berkaitan ketidaksuburan. Disfungsi erektil dan ujian atau rawatan berkaitan impotensi atau pensterilan.
8. Rawatan dalam hospital terutamanya untuk tujuan penyiasatan, diagnosis pemeriksaan sinar-X, pemeriksaan fizikal atau perubatan am, tidak berkaitan dengan rawatan atau diagnosis Hilang Upaya yang dilindungi atau sebarang rawatan yang tidak perlu dari segi perubatan dan apa-apa rawatan pencegahan, ubat atau pemeriksaan pencegahan yang dijalankan oleh Pakar Perubatan, dan rawatan khusus untuk mengurangkan atau menaikkan berat badan.

Pengecualian

9. Bunuh diri, percubaan bunuh diri atau mencederakan diri sendiri dengan sengaja ketika waras atau tidak waras.
10. Perang atau apa-apa tindakan perang, diisyiharkan atau tidak diisyiharkan, aktiviti jenayah atau penganas, bergiat cergas dalam mana-mana angkatan bersenjata, penyertaan secara langsung dalam mogok, rusuhan dan kekecohan atau pemberontakan awam.
11. Radiasi pengionan atau pencemaran melalui radioaktiviti daripada mana-mana bahan api nuklear atau sisa nuklear daripada proses pembelahan nuklear atau daripada apa-apa bahan senjata nuklear.
12. Perbelanjaan yang ditanggung untuk menderma mana-mana organ tubuh oleh Orang Yang Dilindungi dan kos mendapatkan organ termasuk semua kos yang ditanggung oleh penderma ketika pemindahan organ dan sebarang komplikasi daripadanya.
13. Penyiasatan dan rawatan gangguan tidur dan dengkur, terapi penggantian hormon dan terapi alternatif seperti rawatan, khidmat atau bekalan perubatan, termasuk tetapi tidak terhad kepada khidmat kiropraktik, akupuntur, akutekanan, refleksologi, pengikatan tulang, rawatan pakar herba, urut atau terapi aroma atau rawatan alternatif yang lain.
14. Jagaan atau rawatan yang mana pembayarannya tidak diperlukan atau setakat mana yang dibayar oleh mana-mana Insurans/Takaful lain atau tanggung rugi yang meliputi Orang Yang Dilindungi dan Hilang Upaya yang timbul daripada tugas dalam pekerjaan atau kerjaya yang dilindungi di bawah Kontrak Insurans/Takaful Pampasan Pekerja.
15. Gangguan psikotik, mental atau saraf (termasuk apa-apa neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatiknya).
16. Kos atau perbelanjaan bagi perkhidmatan yang bukan bersifat perubatan seperti televisyen, telefon, khidmat telex, radio atau kemudahan yang serupa, kit atau pek kemasukan dan barang bukan perubatan lain yang tidak layak.
17. Penyakit atau kecederaan yang wujud daripada sebarang jenis perlumbaan (kecuali menggunakan kaki), sukan berbahaya seperti tetapi tidak terhad kepada terjun udara, luncur air, aktiviti dalam air yang memerlukan alat pernafasan, sukan musim sejuk, sukan profesional dan aktiviti yang menyalahi undang-undang.
18. Penerbangan peribadi kecuali sebagai penumpang yang membayar tambang untuk sebarang penerbangan komersial berjadual yang mempunyai lesen untuk membawa penumpang melalui laluan yang ditetapkan.
19. Perbelanjaan yang ditanggung untuk menukar jantina.

Soalan Lazim

S1 APAKAH PERLINDUNGAN YANG DIBERIKAN DI BAWAH SKHPPA?

J1 Ia melindungi caj rawatan dalam hospital dan pembedahan pekerja asing sekiranya mereka dimasukkan ke Hospital Kerajaan Malaysia bukan korporat akibat kemalangan atau penyakit.

S2 ADAKAH PRODUK SKHPPAINI WAJIB?

J2 Ya.

S3 PEKERJA ASING SAYA TELAH DILINDUNGI DI BAWAH PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO), ADAKAH MEREKA JUGA PERLU DILINDUNGI DI BAWAH SKHPPA?

J3 Ya. SKHPPA dan PERKESO adalah dua skim yang berbeza dan kedua-duanya adalah wajib.

S4 BOLEHKAH SUMBANGAN TERSEBUT DITOLAK DARIPADA GAJI PEKERJA ASING TERSEBUT?

J4 Boleh, majikan boleh mendahuluikan pembayaran sumbangan pekerja asing dan kemudian ditolak daripada gaji pekerja asing tersebut.

S5 BERAPAKAH JUMLAH SUMBANGAN DAN BILAKAH PERLINDUNGAN BERMULA?

J5 Sumbangan tahunan adalah sebanyak RM120 setahun bagi setiap pekerja asing dan perlindungan bermula selepas pendaftaran beserta pembayaran sumbangan dibuat. Sumbangan tahunan adalah tertakluk kepada 8% Cukai Perkhidmatan, yang mana berkenaan. Sila rujuk kepada nota penting di bawah Huraian Manfaat/Perlindungan di atas.

S6 ADAKAH PEMERIKSAAN KESIHATAN DIPERLUKAN?

J6 Tidak semestinya dengan syarat pekerja asing tersebut bekerja di Malaysia secara sah dan telah lulus pemeriksaan perubatan yang diselia oleh Fomema Sdn. Bhd. (FOMEMA).

S7 ADAKAH TERDAPAT SEBARANG HAD BAGI KEMASUKAN HOSPITAL?

J7 Ya, kemasukan hanyalah di Hospital Kerajaan Malaysia bukan korporat sahaja.



TakaFULmalaysia

Brosur ini adalah untuk maklumat umum sahaja dan bukan kontrak untuk produk ini. Anda dinasihatkan untuk merujuk kepada Helaian Penerangan Produk dan sijil untuk maklumat terperinci mengenai ciri-ciri penting, manfaat, sumbangan dan pengecualian produk untuk pemahaman yang lebih baik sebelum menyertai produk ini.

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

1300 88 252 385
www.takaful-malaysia.com.my

Diuruskan oleh: Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad 201701032316 (1246486-D) ("Takaful Malaysia") Tingkat 27, Blok Annex, Menara Takaful Malaysia, No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur | Ahli PIDM | Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (TIPS) PIDM atau hubungi Takaful Malaysia atau PIDM (layari www.pidm.gov.my/my).